



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 59

12hb Mei 2016

No. 10

---

AKTA BINATANG 1953  
(Akta 647)

ANIMALS ACT 1953  
(Act 647)

**No. 19.**

KEHENDAK MENURUT SUBSEKSYEN 42(4)

REQUIREMENT UNDER SUBSECTION 42(4)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 42(4) Akta Binatang 1953 [Akta 647], Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis dengan ini menghendaki supaya dibawa setiap anjing yang berumur tiga (3) bulan dan lebih untuk ditanda serta disuntik supaya terpelihara daripada mendapat penyakit Anjing Gila, pada tarikh, waktu dan tempat yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini.

In exercise of the powers conferred by subsection 42(4) of Animals Act 1953 [Act 647], the Director of Veterinary Services of Perlis hereby requires every dog aged (3) months and above be brought to be marked and vaccinated against Rabies at such date, time and place as stated in the Schedule below.

## JADUAL/SCHEDULE

Tarikh/ <i>Date</i>	Kawasan/ <i>Area</i>	Pusat Suntikan/ <i>Vaccination Centre</i>	Waktu/ <i>Time</i>
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Kangar	Putus Perkhidmatan Veterinar Kangar Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis Km. 3, Jalan Raja Syed Alwi 01000 Kangar	8.30 pagi/a.m. – 12.30 tgh./p.m. 2.30 ptg./p.m. – 4.30 ptg./p.m.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

34

[12hb Mei 2016]

Tarikh/ <i>Date</i>	Kawasan/Area	Pusat Suntikan/ <i>Vaccination Centre</i>	Waktu/ <i>Time</i>
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Arau	Pusat Perkhidmatan Veterinar Arau Jalan Raja, 02600 Arau	8.30 pagi/a.m. – 12.30 tgh./p.m. 2.30 ptg./p.m. – 4.30 ptg./p.m.
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Kaki Bukit	Pusat Perkhidmatan Veterinar Kaki Bukit Km. 15, Jalan Kaki Bukit 02200 Kaki Bukit	8.30 pagi/a.m. – 12.30 tgh./p.m. 2.30 ptg./p.m. – 4.30 ptg./p.m.

Bertarikh 13 April 2016

Dated 13 April 2016

[JPV.Ps. 08/01/03 Jld. 5(141); PUN.Ps. 0043]

DR. SHAHARUL AKMAR BIN TALIB  
*Pengarah Perkhidmatan Veterinar*  
*Perlis/*  
*Director of Veterinary Service*  
*Perlis*

## No. 20.

PEMBERITAHUAN MENURUT PERENGGAN 42(6)(a)

NOTIFICATION UNDER PARAGRAPH 42(6)(a)

Oleh kerana Y.A.B. Menteri Besar Perlis, pada 12 April 2016 telah mengeluarkan Perintah Suntikan Pencegahan Penyakit Anjing Gila (Negeri Perlis) 2016 di bawah subseksyen 42(1) Akta Binatang 1953 [Akta 647], di dalam Negeri Perlis. Oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 42(6)(a) Akta Binatang 1953, Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis dengan ini memaklumkan bahawa setiap anjing yang berumur tiga (3) bulan dan lebih dalam Negeri Perlis hendaklah selepas 15 Julai 2016 dan pada bila-bila masa, semasa Perintah tersebut berkuat kuasa memakai pada badannya satu lencana bernombor yang dikeluarkan bagi tahun 2016 oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia yang menjadi keterangan bahawa anjing tersebut itu telah disuntik supaya terpelihara daripada penyakit Anjing Gila.

Mana-mana anjing yang berumur tiga (3) bulan dan lebih yang dijumpai di dalam Negeri Perlis selepas 15 Julai 2016, semasa merayau-rayau atau tidak, yang tidak memakai lencana suntikan tersebut akan dimusnahkan.

Whereas, the Y.A.B. Menteri Besar of Perlis, has on the 12 April 2016 made Anti-Rabies Vaccination (Perlis) Order 2016 under subsection 42(1) of the Animals Act 1953 [Act 647], in respect of the State of Perlis. Now, therefore in exercise of the powers conferred by paragraph 42(6)(a) of the Animals Act 1953, the Director of Veterinary Services of Perlis requires that every dog three (3) month of age and above, in the State of Perlis after 15 July 2016 at all times during the continuance in force of the Order, carry upon it a serial number issued for the year 2016 by the Veterinary Department of Malaysia as evidence of its having been vaccination against Rabies.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

12hb Mei 2016]

35

---

Any dog three (3) months of age and above found in the State of Perlis after 15 July 2016, whether at large or not which does not carry upon it the said vaccination badge may be destroyed.

Bertarikh 13 April 2016

Dated 13 April 2016

[JPV.Ps. 08/01/03 Jld. 5(141); PUN.Ps. 0043]

DR. SHAHARUL AKMAR BIN TALIB  
*Pengarah Perkhidmatan Veterinar*  
*Perlis/*  
*Director of Veterinary Service*  
*Perlis*

### KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 tahun 1965)

**No. 21.**

(Seksyen 261)

#### SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Meerasa bin Ahmed yang beralamat di 38 Lorong 2, RPA Padang Besar, 02100 Padang Besar (U), Perlis atau 13 Lorong Singgahsana 4, Taman Singgahsana, 02100 Padang Besar (U), Perlis penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Khamis 23 Jun 2016 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Titi Tinggi. No. Lot—8311. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3016. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3902/2013 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 31 Mac 2016  
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2175(2)]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

36

[12hb Mei 2016]

No. 22.

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Rosenah binti Hasim yang beralamat di 38 Lorong 2, RPA Padang Besar, 02100 Padang Besar (U), Perlis atau 13 Lorong Singgahsana 4, Taman Singgahsana, 02100 Padang Besar (U), Perlis penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Khamis 23 Jun 2016 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Titi Tinggi. No. Lot—8311. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3016. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3902/2013 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 31 Mac 2016  
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2175(2)]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA